



Dr Mahathir diiringi Xuan Phuc memeriksa perbarisan kawalan kehormat pada sambutan rasmi di Istana Presiden, Hanoi, semalam. (Foto BERNAMA)

Tun M diberi sambutan rasmi, di Istana Presiden

Hanoi: Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang melakukan lawatan rasmi ke Vietnam, diberi sambutan rasmi di Istana Presiden di sini, semalam.

Ketibaan Dr Mahathir disambut Perdana Menteri Vietnam, Nguyen Xuan Phuc.

Sejurus itu, lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan sebelum Dr Mahathir memeriksa perbarisan kawalan kehormat. Selepas upacara sambutan rasmi, Dr Mahathir dan rakan sejawatannya mengadakan pertemuan empat mata, diikuti Mesyuarat

Delegasi Malaysia-Vietnam.

Antara dibincangkan ialah usaha tingkatkan hubungan dua hala dan bagaimana mempromosi kerjasama baharu dalam pelbagai bidang, antaranya perdagangan dan pelaburan, keselamatan, pendidikan serta pertanian.

Selepas mesyuarat itu, kedua-dua Perdana Menteri menyaksikan Pertukaran Surat mengenai penubuhan Kumpulan Kerjasama antara Ahli Parlimen Malaysia dan Vietnam - 'Malaysia-Vietnam Parliamentary Friendship Group'.